



**LAPORAN PROJEK INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN TAHUN 2022**



**PROSES PENGELUARAN PERMIT
SEMENTARA BAZAR PERAYAAN YANG
TIDAK SISTEMATIK**



DISEDIAKAN OLEH:

**JABATAN PENGURUSAN PASAR DAN PENJAJA
DAN JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
MAJLIS PERBANDARAN KLANG**





No :

(Untuk Kegunaan Pejabat)

**BORANG PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN
AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2022****LATAR BELAKANG KUMPULAN**

Nama Kumpulan	EVoteR9
Nama Organisasi	Jabatan Pengurusan Pasar dan Penjaja & Teknologi Maklumat
Alamat	Cawangan MPK Tengku Kelana
No Telefon & Faks	03-33758019/ 019-339 3731
E-Mel	jpsr@mpklang.gov.my
Tarikh Kumpulan Ditubuhkan	22 Februari 2021
Bilangan Ahli	9
Nama Ahli	1. MOHD HAFIZ BIN SHAFIEE (KETUA) 2. ASMA HABIBUL BT. CHE MAT 3. IZUARINI BT MAHMAD SANI 4. RASYIDAH AIN BT. MOHD SOIB 5. NADIAH BT. MOHD ZAKI 6. MOHD ALIEF QAYYUM B. ABDUL RAHMAN 7. MUHAMMAD ATIF BIN YUSOF 8. NUR HAKIMA BT. MOHD JAMALI 9. THEVANTHERAN A/L ALLAGA SUNDRA
Nama Fasilitator (sekiranya ada)	NORAIZAN BINTI HASSAN
Nama Projek	S-PIS (SMART PERMIT ISSUANCE SYSTEM)
Bidang Inovasi	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
Kategori Inovasi	PENAMBAHBAIKAN
Tarikh Mula Projek	22 FEBRUARI 2021
Tarikh Siap Projek	31 DISEMBER 2021

PENGESAHAN KETUA JABATAN**Pengesahan Ketua Jabatan / Bahagian/ Unit:**

i) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh jawatankuasa Pemandu inovasi pada.....

ii) Projek ini telah dipertandingkan diperingkat jabatan pada.....

Tandatangan Ketua Jabatan / Agensi

Cop Jabatan / Agensi

.....

Tarikh: **30 Mac 2022**

PENGESAHAN PANEL PENILAI (JIKA BERKENAAN)

Pengesahan

Panel :

Saya mengesahkan bahawa projek ini telah melalui proses penilaian pada.....
dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Tandatangan Panel Penilai

.....

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Jawatan/Gred:

Jabatan/Agensi:

No Siri:

Tarikh:

PRAKATA

KETUA JABATAN



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana limpah kurnia-Nya maka terciptanya sistem **S-PIS (Smart-Permit Issuance System)** Jabatan Pengurusan Pasar dan Penjaja bersama Jabatan Teknologi Maklumat, Majlis Perbandaran Klang dapat disediakan. Sistem ini dibina secara inovatif dan komprehensif bagi memastikan ianya mudah difahami oleh semua pihak.

Sistem ini disediakan bagi membantu pihak Jabatan Pengurusan Pasar dan Penjaja Majlis Perbandaran Klang dan jabatan yang berkaitan sebagai pemakluman supaya tugas dapat dilaksanakan dengan cepat, lengkap, seragam dan teratur.

Akhir kata, saya bagi pihak seluruh warga kerja Jabatan Pengurusan Pasar dan Penjaja Majlis Perbandaran Klang merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh seluruh pegawai dan kakitangan yang telah memikul tanggungjawab dalam menyediakan sistem ini. Syabas untuk Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) "EVoteR9" selamat maju jaya.

(AZHAR BIN SAMSUDIN)

Pengarah

Jabatan Pengurusan Pasar Dan Penjaja

Majlis Perbandaran Klang





ISI KANDUNGAN

BIL	KRITERIA	SUB KRITERIA	MUKA SURAT
1	Pendahuluan	A. Ringkasan Eksekutif	i
2	Signifikasi Projek Dan Pembuktian	A. Kaitan Dengan Fungsi Utama Jabatan/ Organisasi	1
		B. Memenuhi Kehendak Pelanggan Dan Pemegang Taruh (Stakeholder)	2
		C. Penjajaran Dengan Agenda Dan Matlamat Nasional	2
		D. Kaitan Dengan Keadaan Dan Ekosistem Semasa	3
		E. Kaedah Pemilihan Projek Dan Analisis	3-4
		F. Penetapan Sasaran	4-5
3	Tindakan Penyelesaian	A. Strategi Penyelesaian Kreatif Termasuk Aplikasi Penggunaan Tools	5-6
		B. Penghasilan Dan Pengujian Prototaip	7
		C. Perakuan Daripada Pihak Bertauliah/ Pihak Berkuasa	7-9
		D. Pelaksanaan Inovasi	9
4	4.1 Outcome Projek Dan Pembuktian	A. Pencapaian Outcome Dan Pembuktian	10
		B. Faedah Luar Jangka	10
	4.2 Impak Projek Dan Pembuktian	A. Penilaian Impak Dan Pembuktian	11-12
		B. Faedah Sampingan (Luar Jangka)	13
5	Potensi Pengembangan Inovasi	A. Tahap Ketersediaan Teknologi/ Sistem/ Proses	13
		B. Tahap Replikasi Atau Pengkomersialan	14

ITEM	KRITERIA	SUB KRITERIA
6.	Lampiran	1. Pelan Strategik Mpk 2016 – 2020 Menerusi Penetapan Teras Strategik Ke-2 Melalui Pelan Tindakan Ke-3
		2. Piagam Pelanggan Majlis Perbandaran Klang
		3. Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025
		4. Pelan Antirasuah Nasional 2021-2023
		5. Pelan Strategik Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2021 – 2025
		6. Aduan Pelanggan Berkenaan Permohonan Yang Tidak Sistematik
		7. Rancangan Malaysia Ke – 12 (RMK-12)
		8. Sustainable Goal Development (SDG 2030)
		9. Keratan Akhbar Berita Harian
		10. Mesyuarat Teknikal Aduan Bil 1 2021
		11. Mesyuarat Pengurusan Bil. 2 Tahun 2021
		12. Prototaip
		13. Dokumen Pengesahan Dari Bahagian Audit Dalam & Pengesahan Senarai Undian Bazar
		14. Surat Penghargaan Daripada Persatuan Peniaga India Tengku Kelana & Surat Penghargaan Daripada Persatuan Peniaga Tapak Pasca Covid Simpang Empat
		15. Surat Pengesahan Daripada Jabatan Teknologi Maklumat
		16. Manual Pengguna S-PIS
		17. Kajian Moral Kepada Kakitangan
		18. Kaji Selidik Kepuasan Pengguna
		19. Sijil Bandar Mampan Mpk
		20. Pendaftaran Myipo
		21. Surat Penghargaan Perkongsian Sistem Kepada Agensi Luar ANULAE,HIJRAH,MBSA DAN MBSJ



PENDAHULUAN

1. (A) Ringkasan Eksekutif

Dunia teknologi kini semakin maju ke hadapan dengan pelbagai ciri menarik dengan kemunculan teknologi baharu (emerging technologies). **EVoteR9** yang ditubuhkan pada **22 Februari 2021** juga tidak ketinggalan untuk memperkenalkan satu inovasi penyampaian perkhidmatan di bawah kategori penambahbaikan. Sistem digital **S-PIS (Smart Permit Issuance System)** direkayasa secara 'in-house' oleh Pegawai Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Klang (MPK) hasil integrasi antara sistem digital sedia ada iaitu e-lesen, e-kompoun, i-pay dan i-portal bagi membantu pihak Majlis dalam menambahbaik prosedur kerja bagi permohonan permit bazar perayaan secara atas talian.

Idea Penciptaan sistem ini tercetus apabila pandemik Covid-19 telah merencatkan urusan pentadbiran MPK apabila proses bersua muka tidak digalakkan. Pihak Pengurusan Tertinggi telah menetapkan fokus tahun 2021 adalah untuk memperkasakan integrasi sistem secara atas talian melalui **keputusan Mesyuarat Pengurusan Bil 2/2021** dimana Jabatan dikehendaki **untuk mewujudkan perkhidmatan permohonan lesen/permit secara atas talian** sejajar dengan fungsi utama Jabatan untuk memproses permohonan permit sementara perniagaan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Outcome projek **S-PIS** ialah kumpulan berjaya menghasilkan satu kaedah undian yang telus dan berintegriti menggunakan platform **media sosial (Facebook)** dengan menayangkan kaedah undian secara langsung dan setiap proses dipantau oleh pihak bertauliah seperti **Bahagian Audit Dalam dan Unit Integriti MPK**. Kaedah undian ini boleh dijadikan rujukan oleh PBT seluruh Malaysia yang turut menjalankan proses undian bagi permohonan bazar perayaan. Faedah luar jangka yang diperoleh ialah kaedah undian ini telah digunapakai oleh ANULAE cawangan Klang semasa proses undian Ahli Jawatankuasa Tertinggi semasa Mesyuarat Agung Tahunan 2021.

Impak yang diperoleh hasil projek **S-PIS** dimana masa diukur sebelum projek iaitu keseluruhan proses pengeluaran permit mengambil **masa selama 165 minit** bagi satu-satu pemohon manakala hasil selepas projek hanya mengambil **masa 10 minit** sahaja. Jumlah permohonan juga meningkat dari **1124 permohonan** pada tahun 2021 kepada **1550 permohonan** pada tahun 2022. Selain itu, bayaran **elaun lebih masa** kepada kakitangan juga berjaya dikurangkan daripada **RM 4500.00** kepada **RM 1125.00** sahaja. Tambahan lagi, **aduan** juga berjaya dikurangkan daripada **03 aduan** kepada **0 aduan** selepas projek dilaksanakan. Sistem ini juga telah **disahkan selamat** oleh pihak bertauliah iaitu **Jabatan Teknologi Maklumat MPK**. Jabatan juga berjaya mengumpul data yang sahih dimana setiap data ini adalah amat diperlukan dan perlu dikemukakan kepada Kerajaan Negeri. Penjimatan penggunaan kertas adalah amat ketara dimana selepas sistem digunapakai, semua permohonan adalah 'paperless' dan telah menyumbang kepada kejayaan MPK menerima **Anugerah Bandar Mampan 2021**.

Bagi potensi pengembangan projek, **Manual Prosedur Kerja** telah disediakan dan **Manual Penggunaan Sistem S-PIS** telah dibukukan untuk rujukan pelanggan dan kakitangan Majlis. Sistem **S-PIS** juga telah direplikasi kepada jenis permit perniagaan sementara yang lain seperti **Permit Pasar Pagi/Malam (656 permohonan)**, **Permit Perniagaan Kompleks Sukan Pandamaran (314 permohonan)**, dan **Permit Tapak Buah Bermusim (39 permohonan)**. Selain itu, Sistem **S-PIS** telah didaftarkan sebagai harta intelek Majlis setelah didaftarkan di **MyIPO**. Kolaborasi bersama **Hijrah Selangor dan Ambank Berhad** juga telah dijalankan semasa program taklimat bazar Ramadhan untuk mendedahkan kepada pelanggan mengenai kaedah pembayaran alternatif yang lain dan promosi kepada pelanggan mengenai system yang telah digunapakai sepenuhnya bagi semua jenis permohonan permit sementara perniagaan.

Kesimpulannya, projek **S-PIS** terbukti lebih efektif dalam menguruskan proses permohonan, pembayaran, undian dan pengeluaran permit bazar perayaan dengan menyediakan lebih banyak proses secara dalam talian untuk memudahkan proses bagi rakyat serta meningkatkan kecekapan kerajaan untuk menyampaikan sesuatu sejajar dengan aspirasi Majlis untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan digital yang kreatif dan berinovasi merentasi sektor awam dan rakyat.

2. (A) Kaitan Dengan Fungsi Utama Organisasi

- Projek **S-PIS (Smart Permit Issuance System)** yang dihasilkan adalah bertepatan dengan **Pelan Strategik Majlis Perbandaran Klang 2016-2020 melalui 2020** menerusi penetapan Teras Strategik ke-2 melalui Pelan Tindakan ke-3 (*Lampiran 1*)

Pelan Strategik (MPK) 2016-2020		
PELAN STRATEGIK (TERAS STRATEGIK)	RASIONAL PROJEK	
Memperkasakan pengurusan dan keupayaan organisasi untuk mencapai organisasi berprestasi tinggi	Membangunkan sistem yang mesra jaringan kepada orang awam. Memperkukuhkan infrastruktur perkakasan keselamatan dan aplikasi dengan melaksanakan sistem S-PIS ke arah mesra pengguna dan menjimatkan masa.	  
Memantapkan organisasi	Mengkaji semula aliran kerja yang sistematik dan menilai kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan dan produk Jabatan Pengurusan Pasar Dan Penjaja.	


- Salah satu fungsi Jabatan Pengurusan Pasar dan Penjaja adalah memproses permohonan permit sementara perniagaan mengikut tempoh yang ditetapkan selari dengan **Piagam Pelanggan MPK** (*Lampiran 2*)

2. (B) Memenuhi Kehendak Pelanggan dan Stakeholder

- Projek **S-PIS** dihasilkan memenuhi **PEMEGANG TARUHAN (STAKEHOLDERS)** di Peringkat Kerajaan Persekutuan Di Bawah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (**MAMPU**), Jabatan Perdana Menteri (*Lampiran 3*)

Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025		
PELAN STRATEGIK (TERAS STRATEGIK)	RASIONAL PROJEK	
Peneraju perkhidmatan digital inklusif dan bersepadu	Mengenalpasti perkhidmatan yang boleh dinaiktaraf kepada perkhidmatan dalam talian secara 'end-to-end' (hujung ke hujung) melalui penambahbaikan proses, proses peningkatan kemahiran, sumber manusia, kajian peraturan dan polisi dan seterusnya menggunakan teknologi digital.	  

- Peringkat Kerajaan Persekutuan di bawah Pelan Antirasuah Nasional 2021-2023 Jabatan Perdana Menteri (*Lampiran 4*)

Pelan Antirasuah Nasional 2021-2023		
TERAS STRATEGIK	RASIONAL PROJEK	
Memperkasa Perkhidmatan Awam ke arah tadbir urus baik	Membentuk mekanisma yang kukuh dan efektif dalam proses pengeluaran permit	 

2. (B) Memenuhi Kehendak Pelanggan dan Stakeholder
3.

Pelan Strategik Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2021 – 2025
(Lampiran 5)

Pelan Strategik KPKT 2021-2025



PELAN STRATEGIK (TERAS STRATEGIK)	RASIONAL PROJEK
Memperkasa dan menambahbaik kualiti perkhidmatan supaya lebih efisien dan efektif	Mensasarkan semua proses pengeluaran permit bazar perayaan 100% secara atas talian tanpa perlu bersemuka dan integrasi data sebanyak mungkin dalam sistem S-PIS



4. Data aduan pelanggan berkenaan permohonan yang tidak sistematik
- (Lampiran 6)*

Tahun 2021	Jan	Feb	Mac	Apr
Bil. Aduan	10	13	15	19

Sumber : Unit Aduan Jabatan Pengurusan Pasar & Penjaja, 2021

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikenakan semua ke atas semua sektor, orang awam tidak dapat mengemukakan permohonan dengan baik kerana tiada platform terbaik untuk menyalurkan permohonan tersebut apabila perkhidmatan kaunter tidak dibuka.



2. (C) Penjajaran Dengan Agenda dan Matlamat Nasional

1.
- Rancangan Malaysia ke – 12 (RMK-12)**
(Lampiran 7)
- BAB 13: MEMPERKUKUH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SEKTOR AWAM

Melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 – 2025, kerajaan memberi tumpuan untuk membangunkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi melalui Bidang Keutamaan A: Meningkatkan integriti dan akauntabiliti dengan menyediakan satu platform sistem undian tapak bazar yang telus kepada orang awam.


Rancangan Malaysia ke – 12 (RMK-12)



PELAN STRATEGIK (TERAS STRATEGIK)	RASIONAL PROJEK
Meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap institusi kerajaan	Mewujudkan pengkalan data yang dapat dikongsi bersama orang awam dan diwarwarkan melalui media sosial rasmi Majlis demi memartabatkan aspek ketelusan dalam memproses setiap permohonan



2.
- Sustainable Goal Development (SDG 2030)**
(Lampiran 8)
- Sejajar dengan Matlamat Utama ke **11** dan Matlamat Utama ke **17** SDG 2030 dalam mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam



3

2. (E) Kaedah Pemilihan Projek dan Analisis

1. Penjelasan Masalah

Bazar Ramadhan – 40 lokasi, (1200 petak)
 Bazar Aidil Fitri – 2 lokasi (600 petak)
 Bazar Deepavali – 2 lokasi (120 petak)
 Tahun Baru Cina – 3 lokasi (50 petak)

Proses dilakukan secara manual



Proses yg perlu dilalui oleh pemohon:-

- hantar borang
- hadir kursus pengendali makan
- hadir sesi undian
- kelulusan lesen
- tuntutan lesen

Kaunter permohonan, sesi kursus pengendali Makanan, kaunter bayaran dan sesi undian

Pemohon perlu hadir berulang kali ke MPK untuk melengkapkan proses pengeluaran lesen tersebut

- Pemohon bazar
- Kakitangan Majlis

2. (F) Penetapan Sasaran

1. Sasaran Outcome

- 1.1 Menghasilkan satu sistem permohonan secara atas talian
- 1.2 Menghasilkan satu kaedah pembayaran secara atas talian
- 1.3 Menghasilkan satu kaedah undian secara atas talian
- 1.4 Pengeluaran permit secara 'self-service'

2. Sasaran Impak


2.1 Pengurangan aduan daripada pelanggan

Tahun 2021	Jan	Feb	Mac	Apr
Bil. Aduan	10	13	15	19

Sasaran pengurangan aduan sebanyak 50%

2.2 Peningkatan jumlah permohonan permit sementara bazar perayaan

JUMLAH PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA PERNIAGAAN



Sasaran peningkatan jumlah permohonan sebanyak 10% berdasarkan Sasaran Kerja Tahunan Jabatan tahun 2021

2.3 Penjimatan masa kepada pelanggan dan kakitangan



Sasaran selepas projek

Sebelum projek

2. (F) Penetapan Sasaran

2. Sasaran Impak
- 2.4 Pengesahan keselamatan sistem oleh pihak bertauliah


2.5 Peningkatan kepuasan pelanggan mengenai penggunaan perkhidmatan atas talian

2.6 Penjijimatan kos pentadbiran

2.7 Peningkatan moral kakitangan

3. TINDAKAN PENYELESAIAN

3. (A) Strategi Penyelesaian Kreatif Termasuk Aplikasi Penggunaan Tools



1. Emphatise (Punca Masalah)

Berikut merupakan hasil kaji selidik yang dilakukan di kalangan kakitangan dan peniaga bazar bagi mengenalpasti punca masalah pengeluaran permit perayaan yang tidak sistematik :

BIL	PUNCA MASALAH	POINT		USER		JUMLAH KEKERAPAN MASALAH
		PAIN	PLEASURE	PEKERJA	ORANG AWAM	
1.	Permohonan yang banyak diterima pada satu-satu masa	✓		✓		35
2.	Masih perlu mengemukakan resit bayaran yang asal walaupun telah beri penyata akaun semasa buat tuntutan hasil	✓			✓	23
		✓			✓	
3.	Keadaan ruang menunggu yang padat dan kurang selesa	✓			✓	45
4.	Mengambil waktu yang lama untuk selesai membuat permohonan	✓			✓	45
5.	Ketelusan dalam proses undian dipertikai kerana petak yang telah dihadkan	✓			✓	48
6.	Perlu datang berulang kali ke pejabat bagi menghantar borang, sesi undian dan ambil lesen	✓		✓		40
7.	Kekurangan kakitangan dalam melaksanakan proses permohonan	✓		✓		42
8.	Aliran proses yang tidak jelas (arahan yang berubah-ubah)					25

2. Define (Identifikasi Punca Masalah)

Hasil analisa peringkat awal mendapati beberapa isu utama yang perlu diselesaikan oleh pihak Majlis. Punca masalah yang perlu ditambahbaik adalah seperti berikut:

Bil.	Needs	Insight	Peratus (%)
1.	Menyediakan sistem digital secara integrasi dan komprehensif dalam setiap perkhidmatan yang disediakan	Pemohon tak perlu hadir ke kaunter lagi untuk mengetahui status permohonan.	48
2.	Meningkatkan kesedaran kepada peniaga tentang penggunaan sistem digital	Sebagai motivasi kepada peniaga untuk menggunakan sistem	20
3.	Menyediakan kaedah undian tapak yang adil kepada semua pihak	Kepuasan hati pelanggan meningkat	32

3. Ideate (Pemilihan Idea Hasil Penandaarasan)

Cadangan 1 :
Menyediakan sistem digital secara integrasi dan komprehensif dalam setiap perkhidmatan yang disediakan.


Pemohonan kemasukan secara online



Pemohon boleh mengakses sistem untuk mengetahui status semasa berkenaan permohonan



Menyekat permohonan sekiranya terdapat kompon tertunggak




Membantu menyelesaikan kompon-kompon tertunggak



Membuat pembayaran secara online



Tidak perlu berbaris di kaunter bayaran



Cadangan 2 :
Meningkatkan kesedaran kepada peniaga tentang penggunaan sistem digital

Kaedah penghargaan melalui kempen kumpul dan tebus mata ganjaran




Pemberian penghargaan kepada pelanggan melalui kaedah penebusan mata ganjaran dengan pemberian voucher membeli-belah AEON



Pemberian diskaun bil elektrik oleh TNB bagi premis yang menggunakan sistem solar



Sistem diskaun kepada pengguna solar




Cadangan 3 :
Menyediakan kaedah undian tapak yang adil kepada semua pihak


Kaedah undian tapak yang telus




Meningkatkan integriti kakitangan dan imej Majlis



Program undian tanpa perlu kehadiran peserta.



Keputusan diwar-warkan di laman sesawang



Cadangan	Pemilihan Cadangan Penandaarasan	Kriteria dan Kelebihan Yang Boleh Dimodifikasi		Keputusan
		PRO	KONTRA	
Pemohonan kemasukan secara atas talian	 UPU	Dapat menerima permohonan yang banyak pada satu-satu masa	Orang awam tidak mahir menggunakan sistem	✓
Sekatan permohonan	 IMIGRESEN	Membantu menyelesaikan kes-kes kompon	Mengurangkan jumlah permohonan	✓
Pembayaran secara atas talian	 Shopee Pay	Tidak perlu beratur lama di kaunter bayaran MPK	Pemohon tiada akaun bank @ aplikasi perbankan secara online	✓
Sistem tebus mata ganjaran	 AEON	Mata ganjaran ditukar kepada voucher untuk semua pembeli	Pemberian diskaun ke atas fee lesen tidak selaras dengan Undang-undang Majlis	✗
		 TNB	Sistem diskaun kepada pengguna solar	✗
Proses undian yang telus	 SPR	Ketelusan diiktiraf	Undian masih secara manual	✓
		 BSN - SSPN	Peserta tidak perlu hadir ke sesi undian	✓
			Pemohon yang tidak menonton tidak tahu keputusan undian	✓

3. (B) Penghasilan dan Pengujian Prototaip
1. Penghasilan produk


Penjanaan sistem permohonan bazar perayaan dihasilkan menggunakan

SCAMPER


Ciri-ciri dan Kelebihan Idea Penandaarasan	Elemen SCAMPER	Penjanaan Rekabentuk Inovasi
1 Menyediakan sistem permohonan 	SUBSTITUTE PUT TO ANOTHER USE ELIMINATE	Penggantian sistem manual ke online - Tawaran sebutharga Syarikat A : RM102,000.00 - Tawaran sebutharga Syarikat B : RM 119,500.00 (Lampiran) Membina sistem secara 'in-house' tanpa sebarang kos menggunakan kepakaran kakitangan MPK dengan menggunakan server dan sistem sedia ada dengan sedikit pengubahsuaian Kemasukan data secara manual
Ciri-ciri dan Kelebihan Idea Penandaarasan	Elemen SCAMPER	Penjanaan Rekabentuk Inovasi
Terima dan lulus permohonan 2	REARRANGE MODIFY	Menyusun semula cara proses kerja Perbaiki proses kerja
Ciri-ciri dan Kelebihan Idea Penandaarasan	Elemen SCAMPER	Penjanaan Rekabentuk Inovasi
Undian secara terbuka 3	ADAPT COMBINE	Menjalankan sesi undian secara langsung melalui platform media sosial Menggunakan kaedah undian daripada program cabutan bertuah dan SPR


2. Lakaran Penghasilan Prototaip Sistem Permohonan Bazar Perayaan, MPK

Modul Permohonan secara atas talian



Pengujian Prototaip





3. Uji Cuba Sistem

Sistem SPIS bagi permohonan bazar Ramadhan dan bazar Deepavali telah diuji cuba dan disahkan oleh Bahagian Audit Dalam, Unit Integriti dan Unit Penyampaian Perkhidmatan. (Rujuk Lampiran Pengesahan Senarai Undian Bazar).

Senarai Undian Bazar Ramadhan 2021	
No.	Nama Pemohon
1	ABU MUHAMMAD
2	ABU MUHAMMAD
3	ABU MUHAMMAD
4	ABU MUHAMMAD
5	ABU MUHAMMAD
6	ABU MUHAMMAD
7	ABU MUHAMMAD
8	ABU MUHAMMAD
9	ABU MUHAMMAD
10	ABU MUHAMMAD

Senarai Undian Bazar Deepavali 2021	
No.	Nama Pemohon
1	ABU MUHAMMAD
2	ABU MUHAMMAD
3	ABU MUHAMMAD
4	ABU MUHAMMAD
5	ABU MUHAMMAD
6	ABU MUHAMMAD
7	ABU MUHAMMAD
8	ABU MUHAMMAD
9	ABU MUHAMMAD
10	ABU MUHAMMAD

Ujicuba 1 (Undian sahaja)
Jumlah permohonan bazar Ramadhan 2021 : 976
Ujicuba 2 (keseluruhan proses dilakukan secara atas talian)
Jumlah permohonan bazar Deepavali 2021 : 148

4.

Latihan Kepada Pengguna

Sistem SPIS (Smart Permit Issuance System) telah diuji cuba di lapangan bersama peniaga Bazar Deepavali, Jalan Tengku Kelana. Persatuan Peniaga Kecil Tengku Kelana juga telah memberikan maklumbalas mengenai penggunaan sistem SPIS (*Rujuk lampiran 14*)

Bil	Elemen	Keputusan Soal Selidik				
		Bilangan Responden	Berpuas Hati		Tidak Berpuashati	
			Bil	%	Bil	%
1.	Kemudahan Akses Sistem	50	45	90	5	10
2.	Perkhidmatan Pembayaran		40	80	10	20
3.	Sistem undian		47	94	3	6
4.	Kaedah pengeluaran permit/lesen		45	90	5	10

Sumber : Analisa Soal Selidik Penilaian Kepuasan Penggunaan Sistem dan Borang Ke atas Pengguna, 2021

3. (C)

Perakuan Daripada Pihak Bertauliah

 - Sistem permohonan permit sementara telah mendapat pengesahan daripada Jabatan Teknologi Maklumat MPK. (*Rujuk Lampiran 15*)
 - Projek SPIS telah mendapat pengiktirafan dengan berjaya menjadi johan di dalam Pertandingan Mini Konvesyen Kumpulan Inovatif & Kreatif peringkat Majlis Perbandaran Klang bagi kategori Penambahbaikan yang telan diadakan di Dewan Hamzah MPK pada 14 Mac 2022.



- 3 (D)

Perlaksanaan Inovasi

 - Sistem ‘Smart Permit Issuance System’**

Sistem digital yang dihasilkan bagi membantu dalam pengurusan data maklumat permohonan permit sementara bazar perayaan. Sistem ini dapat mengurangkan tenaga, bahan mentah dan masa dengan penggunaan sistem yang lebih cekap dan efisien.
 - Pihak pengurusan telah mengarahkan supaya system perlu dibangunkan dan sepenuhnya bermula 1 September 2021 (keputusan Mesyuarat Pengurusan
 - Penggunaan sistem SPIS secara rasmi telah dibentangkan secara atas talian pada Oktober 2021 kepada semua Ahli Majlis dan Ketua Jabatan oleh Jabatan Maklumat.
 - Jumlah permohonan juga meningkat dari **1124 permohonan** pada tahun 2021 **1550 permohonan** pada tahun 2022.
- kos

digunakan Bil2/2021).

25 Teknologi

kepada

4.1 Outcome Projek dan Pembuktian

(A) Pencapaian Outcome dan Pembuktian



(B) Faedah Luar Jangka

Faedah luar jangka yang diperolehi ialah kaedah undian ini telah digunapakai oleh ANULAE cawangan Klang semasa proses undian Ahli Jawatankuasa Tertinggi semasa Mesyuarat Agung Tahunan 2021.

4.2 Impak Projek dan Pembuktian

(A) Penilaian Impak dan Pembuktian

Penjimatan masa kepada pelanggan

PRODUCTIVITY

Bil.	Elemen	Sebelum projek	Selepas projek	Sasaran
1.	Mengemukakan permohonan	25 minit	5 minit	
2.	Pembayaran	10 minit	2 minit	
3.	Proses undian	120 minit	2 minit	
4.	Pengeluaran permit	10 minit	1 minit	
Jumlah		165 minit	10 minit	30 MINIT

Sumber : Analisa Data Dari Aplikasi SPIS, 2021

COST

Bil	Elemen	Sebelum Inovasi	Selepas inovasi	Sasaran	PENJIMATAN
1	Penggunaan Kertas Bagi Pencetakan (Jabatan)	3,000 Borang x 6 Helai (Borang Permohonan) = 18,000 Helai.	0 Borang x 6 Helai (Borang Permohonan) = 0 Helai	98% (Pengurangan)	100%
2.	Bayaran Elaun Lebih Masa Kakitangan	1 jam = RM10.00 (RM10.00 x 1.25 = RM12.50) 1 bulan / 1 orang = RM375.00 1 Bulan / 12 Orang = (RM375.00 x 1 Bulan x 12 Orang = RM4,500.00) Jumlah keseluruhan : RM4,500.00	1 jam = RM10.00 (RM10.00 x 1.25 = RM12.50) 1 bulan / 1 orang = RM375.00 1 Bulan / 3 Orang = (RM375.00 x 1 Bulan x 3 Orang = Jumlah keseluruhan : RM1,125.00	50% (RM2,250.00)	RM3,375.00
3.	Kos Pelanggan (Proses Permohonan dan Undian)	3,000 Pelanggan x 1 borang RM1.00 x (Borang Permohonan) = RM 3,000.00 Minyak kenderaan =RM10.00 sehari x 2 hari = RM20.00 3000 Pelanggan x RM20.00 = RM60,000.00 Jumlah keseluruhan : RM63,000.00	Tiada kos pelanggan diperlukan kerana menggunakan kaedah atas talian sepenuhnya	98% (Pengurangan)	RM63,000.00 98.3%
Jumlah		RM 67,500.00	RM66,375.00		
Jumlah Penjimatan :					

Pengurangan aduan permohonan lambat diproses/ sistem tidak sistematik

DELIVERY





Tahun 2021	Sep	Oktober	November	Disember
Bil. Aduan	2	1	0	0

4.2 Impak Projek dan Pembuktian

(A) Penilaian Impak dan Pembuktian Penjimatan penggunaan kertas

- Keputusan Kaji Selidik Tahap Kesedaran Peniaga Terhadap Perkhidmatan Atas Talian



Peningkatan moral kakitangan yang terlibat di dalam pengurusan permit Bazar Perayaan dinilai dengan 5 aspek dan menunjukkan pencapaian selepas projek meningkat sebanyak **34%** daripada **50.6%** kepada **84.6%** (Rujuk Lampiran 17)



Keputusan Kaji Selidik Tahap Kesedaran Peniaga Terhadap Perkhidmatan Atas Talian



“Tahniah kepada MPK kerana keadilan dalam sistem online dan undian lebih berkesan dari sebelum ini kerana proses sebelum ini tidak dijalankan secara atas talian.”

Ong seng wuei
751104085561
(Peniaga Bazar CNY)

Bil	Elemen (%)	2019	2020	2021
1.	Perkhidmatan Kaunter	70 %	50 %	83 %
2	Penyampaian Maklumat (Media massa, website)	50 %	80 %	91 %

Penggunaan kaedah atas talian sepenuhnya

4.2 Impak Projek dan Pembuktian

(B) Faedah Sampingan (Luar Jangka)

Majlis telah mendapat pentauliahian sebagai **Bandar Mampan** oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Program MURNInets. Majlis layak menerima pentauliahian ini setelah melepasi markah 80% seperti yang disyaratkan dalam kriteria penilaian Bandar Mampan (*Rujuk Lampiran Sijil*).



(B) Faedah Sampingan (Luar Jangka)

Penjimatan yang diperolehi dan tambahan hasil pendapatan kepada pihak Majlis telah membantu untuk melaksanakan beberapa projek pembangunan seperti berikut :

Bil .	Projek Pembangunan	Lokasi	Gambar
1.	Pemberian secara percuma bekas simpan makanan dan beg kitar semula dalam program Ramadhan Mampan bersama Exco Perumahan, Kesejahteraan Bandar serta Pembangunan Usahawan, YB Rodziah Ismail	Tapak Bazar Ramadhan Jalan Raja Mokhtar	
2.	Projek pembinaan dataran niaga dengan usahasama Pemaju	Tapak Penjaja Bandar Putera 2	
3.	Pembelian cat berkualiti tinggi bagi peyelenggaraan cat petak bazar	Jalan Taiping	

Sumber : Unit Penjaja, Jabatan Pengurusan Pasar & Penjaja.

5. POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

5.0 Potensi Pengembangan Inovasi

(A) Tahap Ketersediaan Teknologi/ Sistem/ Proses


Manual Prosedur Kerja dan Manual Penggunaan Sistem SPIS

Bagi potensi pengembangan projek, Manual Prosedur Kerja telah disediakan (

rujuk

Lampiran). Manual Penggunaan Sistem S-PIS juga telah dibukukan untuk rujukan pelanggan dan kakitangan Majlis.

SAFETY



5.0

Potensi Pengembangan Inovasi

(B) Tahap Replikasi atau Pengkomersilan

Proses Replikasi
Berikut adalah keputusan yang diperolehi hasil replikasi sistem kepada beberapa jenis permohonan permit sementara perniagaan

Bil	Lokasi	Jumlah Permohonan
1.	Permit Sementara Perniagaan (Kompleks Sukan Pandamaran)	314
2.	Permit Sementara Perniagaan pasar malam dan pasar pagi (72 lokasi)	656
3.	Permit Sementara Perniagaan tapak buah bermusim	39

Sumber: Analisa Data Sistem S-PIS, 2021

Sistem **S-PIS** telah didaftarkan sebagai harta intelek Majlis setelah didaftarkan di **MyIPO** (rujuk Lampiran)

PATEN PRODUK

NOMBOR HAK CIPTA :
LY2022W00811

Produk Ini Telah Dipaten Di MyIPO Dan 100% Milik Majlis Perbandaran Klang

PERBADANAN HARTA INTELEK (MYIPO)




Sila layari www.ipmstaronline.com untuk info lanjut



Perkongsian Sistem Bersama Agensi Kerajaan dan Swasta
Proses kerja sistem permohonan permit sementara perniagaan (bazar perayaan) telah dikongsi bersama agensi kerajaan yang lain iaitu semua PBT di Selangor.(rujuk lampiran)
Pihak Anulae Cawangan Klang juga telah memberi maklumbalas untuk menggunakan sistem SPIS semasa Mesyuarat Agung Tahunan akan datang bagi proses pemilihan Ahli Jawatankuasa Tertinggi (rujuk lampiran)









Kolaborasi bersama **Hijrah Selangor** dan **Bank AMBANK Berhad** untuk memberikan hebahan kepada para peniaga semasa program Taklimat Bazar Ramadhan. Program ini bertujuan mendedahkan kepada pelanggan mengenai alternatif kaedah pembayaran. Pihak HIJRAH juga bersetuju untuk berkolaborasi bersama Majlis bagi tujuan pembangunan penjaja dengan menawarkan skim pinjaman usahawan kecil bagi meningkatkan ekonomi peniaga untuk menjadi lebih baik melalui perkongsian maklumat.





Majlis Perbandaran Klang

Ahli Kumpulan:

Noraizan Binti Hassan **(Fasilitator)**

Mohd Hafiz Bin Shafiee **(Ketua)**

Asma Habibul Bt. Che Mat

Izuarini Bt Mahmad Sani

Rasyidah Ain Bt. Mohd Soib

Nadiah Bt. Mohd Zaki

Mohd Alief Qayyum B. Abdul Rahman

Muhammad Atif Bin Yusof

Nur Hakima Bt. Mohd Jamali

Thevantheran A/L Allaga Sundra

Hakcipta Kumpulan: EVoteR9